

SOALAN NO. : 82

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 27HB MEI 2015

SOALAN : 82

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan Projek Pusat Petroleum Bersepadu dan Maritime Industri Park Tanjung Piai terhadap tapak Ramsar Tanjung Piai National Park, yang diiktiraf di bawah konvensyen Ramsar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pusat Petroleum Bersepadu dan Maritime Industri Park Tanjung Piai telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) Terperinci oleh Jabatan Alam Sekitar pada 23 Januari 2015 di mana Laporan EIA Terperinci (DEIA) ini juga telah mengkaji impak terhadap persekitaran termasuk kesan kepada tapak Ramsar Tanjung Piai National Park. Kajian mendapati cadangan pembangunan ini boleh dikawal melalui langkah-langkah kawalan pencemaran semasa peringkat aktiviti penambakan dan operasi sebagaimana yang dicadangkan dalam Laporan DEIA tersebut. Jabatan Alam Sekitar akan memantau dan memastikan pemaju mematuhi semua syarat-syarat kelulusan Laporan DEIA tersebut bagi mencegah kesan terhadap tapak RAMSAR tersebut.

Sekian, terima kasih.